

Usno diterima semula jadi ahli

# PBS masuk

PP- BN *Sapone*

# Barisan

EH 6 JUN 1986

**KUALA LUMPUR, Khamis — Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini menerima sebulat suara kemasukan Parti Bersatu Sabah (PBS) dan menerima semula Usno sebagai anggota BN.**

Serentak itu juga, Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, dilantik sebagai Pengerusi BN Sabah menggantikan Presiden Berjaya, Datuk Mohd Noor Mansor, berkuatkuasa mulai hari ini.

Dengan keputusan itu, BN kini menguasai 47 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan dalam Dewan Undangan Ne-

Oleh **MANJA ISMAIL**  
dan **SAODAH ELIAS**

geri Sabah. Wakil tunggal pembangkang sekarang ialah dari Parti Bersatu Cina Sabah.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perlantikan Datuk Pairin sebagai Pengerusi BN Sabah adalah atas cadangan Datuk Mohd Noor berdasarkan Datuk Pairin adalah Ketua Menteri.

## Kerjasama

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini petang ini, Perdana Menteri berkata, perlantikan itu adalah sama seperti yang dibuat ke atas Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar negeri lain.

Mengenal kenyataan beliau yang menyebut bahawa Gerakan bebas bertanding menggunakan lambangnya sendiri, Perdana Menteri berkata, ia dibuat secara berjenaka kepada seorang ahli Umno yang bertanyakan hal itu kepada beliau di satu majlis di Kubang Pasu.

Oleh itu, katanya, mesyuarat berpendapat tidak ada perselisihan pendapat antara parti-parti komponen Barisan Nasional.

Ditanya sama ada mesyuarat membincangkan kenyataan Datuk Dr Lim bahawa Gerakan akan bertanding menggunakan lambangnya sendiri, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tidak.

Mengenal penerimaan semula Usno sebagai anggota BN, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keputusan itu dibuat kerana Usno sudah menjelaskan bahawa ia tidak lagi mempersoalkan kedudukan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan dan isu-isu berkaitan perlembagaan.

Usno dipecat pada April 1984.

Ditanya mengenai bentuk kerjasama antara parti-parti komponen BN di Sabah selepas kemasukan PBS dan Usno, Perdana Menteri berkata, beliau yakin parti-parti komponen di negeri itu dapat bekerjasama dengan erat.

Perdana Menteri berkata, laporan-laporan akhbar yang memetik beberapa pemimpin parti itu memberi gambaran seolah-olah BN sudah retak juga dibincangkan.

"Sebenarnya kenyataan beberapa orang pemimpin Gerakan untuk keluar dari BN dan bertanding di bawah lambang parti mereka sendiri adalah satu salah faham, dan Presiden Gerakan, Datuk Dr Lim Kheng Yek, sudah menjelaskannya kepada saya tengah hari tadi sebelum menghadiri Mesyuarat Dewan Tertinggi BN.

"Datuk Dr Lim menjelaskan, apa yang disarakan oleh akhbar bukanlah satu kenyataan pendirian, tetapi sekadar memberi pendapat, dan saya berpuas hati dengan penjelasan itu," katanya.